



ANALYSIS OF AL-DARURAH PRINCIPLES IN RIBA-BASED LOANS FOR THE PURPOSE OF HOUSE OWNERSHIP IN MUSLIM MINORITIES

ANALISIS PRINSIP AL-DARURAH DALAM PINJAMAN BERASASKAN RIBA BAGI TUJUAN PEMILIKAN RUMAH DALAM KALANGAN MINORITI MUSLIM

MUHAMMAD SAFWAN HARUN (Corresponding author)

Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: safone_15@um.edu.my

LUQMAN HAJI ABDULLAH

Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: luqmanabdullah@um.edu.my

ABDUL KARIM ALI

Profesor Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: abdkarim@um.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 22 JUN 2020: REVISED – 17 AUGUST 2020: ACCEPTED – 14 SEPTEMBER 2020)

ABSTRACT

The Muslim minority is a group of Muslims living in a non-Muslim country. This reality has created some form of narrowness in life among this society that needs to be addressed well. Among the issues is home ownership that is one of their basic necessities. However, there is very limited access to Islamic financial institutions in Western countries that allow purchases to be made in line with Islamic law. This led the Muslim minority to make Western housing loans that contain banking usury. Interestingly, the transaction got permissible by a fatwa from European Fatwa Research Council due to this issue considered as darurat that faced by the

community. Meanwhile, most scholars forbided any form of usury-based transactions. The question is, are there any different considerations of darurat principles that formed contradiction of fatwas in this issue? Therefore, this study was conducted to evaluate the principle of al-darurat which becomes a basic in the fatwa that allows usury loans for home purchasing in minority muslims. This qualitative study was conducted using a mixed methodology of library data collection and data analysis. The study concludes that, darurat is a critical situation that permit some tasarrufat which banned in normal condition. Regarding to home purchasing by minority muslims, there are some reasons of buying need to be reevaluate through darurat principles that has been established clearly by muslim scholars.

Keywords: darurat; minority muslims; housing; loan; usury

ABSTRAK

Minoriti muslim merupakan satu kelompok masyarakat muslim yang hidup dalam sesebuah negara bukan Islam. Realiti ini telah menimbulkan beberapa bentuk kesempitan hidup dalam masyarakat ini yang perlu ditangani dengan baik. Antaranya, isu pemilikan rumah yang merupakan salah satu keperluan asas mereka. Namun begitu, institusi kewangan Islam di negara Barat adalah terhad bagi membenarkan pembelian rumah dibuat selari dengan syarak. Hal ini menyebabkan masyarakat minoriti muslim melakukan pinjaman perumahan Barat yang mengandungi riba perbankan. Menariknya, transaksi tersebut diharuskan melalui fatwa dari Majlis Penyelidikan Fatwa Eropah dengan alasan situasi yang dihadapi oleh komuniti tersebut adalah darurat. Sedangkan, majoriti ulama mengharamkan sebarang bentuk transaksi berdasarkan riba. Persoalannya, adakah terdapatnya pertimbangan prinsip darurat yang berbeza sehingga menimbulkan dua fatwa yang bertentangan dalam isu ini? Justeru itu, kajian dijalankan bagi menilai prinsip darurat yang menjadi asas fatwa yang membenarkan pinjaman riba bagi pembelian rumah. Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan metodologi campuran iaitu pengumpulan data perpustakaan dan analisis data. Kajian merumuskan bahawa, darurat merupakan situasi kritikal yang membenarkan beberapa tasarrufat yang asalnya dilarang dalam keadaan biasa. Namun begitu, terdapat alasan-alasan yang dijadikan asas fatwa pembelian rumah perlu dinilai kembali melalui prinsip darurat yang telah ditetapkan secara sistematis oleh sarjana Islam.

Kata kunci: darurat; minoriti muslim; perumahan; pinjaman; riba.

FIQH AL-AQALLIYAT DALAM PEMFATWAAN

Minoriti muslim merujuk kepada kumpulan kecil masyarakat muslim yang mendiami sesuatu kawasan yang majoritinya bukan Islam. Pembentukan masyarakat ini di negara bukan muslim didorong oleh faktor-faktor seperti penduduk asal di negara tersebut yang memeluk agama Islam serta kemasukan muslim dengan pelbagai tujuan seperti mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, memperkembangkan ilmu pengetahuan dan mencari keamanan (Salah Abdullah al-Darwish, 2007). Bermakna, istilah *al-aqalliyat al-muslimah* (minoriti muslim) menyentuh kehidupan masyarakat muslim yang sedikit bilangannya berbanding majoriti penduduk di sesebuah kawasan. Hal ini ditegaskan dalam takrif yang pelbagai dalam kalangan sarjana Islam antaranya al-Qaradawi (2001) dan Ibn Bayyah (2007).

Interaksi sosial antara masyarakat ini dengan masyarakat bukan muslim mendorong kepada kemunculan pelbagai isu mencakupi bidang muamalat, kekeluargaan, kewangan dan kenegaraan yang perlu ditangani dengan baik. Ini kerana, situasi minoriti muslim adalah unik di mana berbeza dengan keadaan muslim yang majoriti di sesebuah negara. Intipati tersebut menjadi faktor munculnya *fiqh al-aqalliyat* sebagai landasan ijihad dan fatwa sebagai medium perbaikan konflik hukum yang dihadapi oleh masyarakat tersebut (Abdullah bin Bayyah, t.t). Sungguhpun begitu, kemunculan *fiqh al-aqalliyat* mendapat pelbagai reaksi yang secara umumnya dapat dikelaskan kepada tiga aliran:

- i. Aliran yang menerima sepenuhnya idea dan intipati fekah yang dibahaskan dalam kerangka *al-aqalliyat* (Jamil, 2013). Ulama yang boleh dikelaskan dalam aliran ini antaranya ialah Yusuf al-Qaradawi. Idea *fiqh al-aqalliyat* menurut tokoh ini dapat dicerna daripada penulisannya seperti “*Fi Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah*,” dan “*al-Aqalliyat al-Diniyat wa al-Hal al-Islami*.”
- ii. Aliran yang menerima fekah yang dibincangkan dalam kerangka *al-aqalliyat* namun tidak menerima istilah *fiqh al-aqalliyat* yang digagaskan (Jamil, 2013). Ibn Bayyah merupakan antara tokoh sarjana Islam yang dapat dikelaskan bersama aliran ini. Idea tokoh dibahaskan dalam karyanya seperti *Sina'ah al-Fatwa wa Fiqh al-Aqalliyat*.
- iii. Aliran yang tidak menerima konsep, prinsip dan seluruh aspek gagasan *fiqh al-aqalliyat* (Jamil, 2013). Antara sarjana yang jelas memiliki pendirian tersebut ialah Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. Hal ini dapat diteliti melalui karya tokoh antaranya dalam kitab *al-Islam wa al-Gharb*.

Berdasarkan tiga aliran tersebut, dapat ditonjolkan variasi pandangan para sarjana Islam semasa berkenaan *fiqh al-aqalliyat*. Adalah diyakini bahawa, setiap aliran mempunyai hujah dan justifikasi masing-masing. Dalam hal ini, al-Qaradawi (2001) umpamanya menggariskan 7 tujuan utama fekah minoriti diasaskan sebagai justifikasi antaranya:

- i. Fekah ini membantu individu, keluarga dan seterusnya masyarakat minoriti muslim agar dapat menjalani kehidupan dengan cara hidup Islam, mudah tanpa kesulitan dan kesempitan di dunia.
- ii. Fekah yang memelihara keperibadian muslim yang berbeza dari segi akidah, perasaan, akhlak dan adab dengan majoriti penduduk.
- iii. Fekah yang memberi keupayaan melaksanakan kewajipan dakwah kepada masyarakat.
- iv. Fekah minoriti membantu masyarakat minoriti agar mengambil peluang dan manfaat dalam kehidupan bermasyarakat secara berprinsip.
- v. Fekah yang memelihara hak-hak dan kebebasan minoriti muslim dalam beragama, berbudaya, bermasyarakat, menjalankan aktiviti politik dan ekonomi.
- vi. Fekah yang membantu masyarakat minoriti muslim melaksanakan kewajipan mereka dalam urusan agama dan kemasyarakatan.
- vii. Fekah ini dapat menyelesai dan merawat kemushkilan hukum yang timbul dalam realiti minoriti muslim yang khusus berlandaskan proses ijihad baru.

Menariknya, fokus-fokus yang hampir sama turut ditegaskan oleh Ibn Bayyah (2007) bagi menyokong intipati fekah minoriti antaranya memastikan kelestarian hidup muslim di barat, dapat menjalankan tanggungjawab dakwah Islam, menjalani kehidupan bermasyarakat antara muslim dan bukan muslim serta mewujudkan rasa kemasyarakatan dalam kalangan minoriti muslim di barat. Dapat dirumuskan bahawa, sungguhpun secara istilah fekah ini tidak diterima oleh Ibn Bayyah, namun konseptual fekah minoriti tersebut telah diterima dengan baik oleh tokoh ini. Sebaliknya, tokoh seperti al-Buti menafikan konsep istilah *fiqh al-aqalliyat* (fekah minoriti) serta intipatinya dengan alasan bahawa fekah ini tidak pernah muncul dalam sejarah perundungan hukum Islam sekalipun sejarah telah mencatatkan pelbagai bentuk penghijrahan melibatkan para sahabat, tabi' dan tabi' al-tabi'in ke negara bukan Islam (al-Buti, 2007). Bermakna, konsep lain telahpun dipraktikkan dalam kalangan minoriti muslim oleh salaf al-salih bagi mendepani isu-isu fekah di negara bukan Islam.

Rentetan itu, wujudnya jurang dalam penerimaan fatwa yang diputuskan oleh Majlis Kesatuan Ulama Eropah terhadap konflik dalam masyarakat minoriti muslim. Antara isu yang jelas adalah melibatkan penglibatan masyarakat muslim terhadap pinjaman yang mengandungi unsur riba bagi tujuan pemilikan rumah dalam konteks masyarakat minoriti di mana sebahagian sarjana mengharuskan selari dengan fatwa yang diputuskan oleh Majlis Kesatuan Ulama Eropah sementara sebahagian sarjana berpandangan sebaliknya. Persoalan yang timbul berhubung isu ini antaranya adakah masyarakat minoriti muslim berada dalam situasi darurat hingga mengharuskan mereka melakukan transaksi ribawi bagi tujuan pemilikan rumah? Adakah status pembelian rumah merupakan perkara daruri dalam

hifz al-mal? Jika benar daruri, adakah tiada solusi lain bagi memenuhi keperluan tersebut? Sinopsis awal terhadap isu ini ialah terdapatnya dimensi pertimbangan darurat yang berbeza antara sarjana Islam iaitu (1) seluruh masyarakat minoriti muslim dianggap berada dalam darurat atau sebaliknya (2) darurat dinilai berdasarkan kapabiliti individu. Justeru, kajian ini dihasilkan bagi menilai isu ini kerana dimensi darurat yang sama berkemungkinan menjadi asas perbezaan dalam isu ASB misalnya yang berlaku di negara Malaysia.

PINJAMAN BERASASKAN RIBA OLEH MUSLIM MINORITI DALAM PEMBELIAN RUMAH

Wacana isu ini telah banyak dibahaskan oleh sarjana Islam semasa sekian lama. Malah, wujudnya dua pandangan berbeza dari seseorang sarjana di mana pada pandangan pertama ia mengharamkan transaksi ini sementara pandangan kedua mengharuskan transaksi ribawi bagi tujuan pemilikan rumah. Hal ini dapat dilihat jelas misalnya dari perspektif al-Qaradawi (2001) yang meruji' fatwa pertamanya dalam mengharamkan transaksi ini kepada hukum harus. Dari perspektif yang lebih besar, isu ini telah ditangani antara fatwa yang mengharuskan dan mengharamkan. Secara ringkasnya dapat diperhatikan dalam jadual berikut:

Harus pinjaman berasaskan riba dalam muslim minoriti	Haram pinjaman berasaskan riba dalam muslim minoriti
Assembly of Muslim Jurists of America (2011)	Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali (1986)
al-Majlis al-Uruba li al-Ifta' wa al-Buhuth (2018)	Rabitah al-Ulama' al-Suriyin (2016)
Shaykh Ibn Bayyah (2007; 2017)	'Ali Muhyiddin al-Qurrah Daghi (2020)
Shaykh Yusuf al-Qaradawi (2001)	Abu Bakar Muhammad al-Nayjiri (2018)
	Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2020)

Rajah 1.1: Fatwa-fatwa dalam isu pinjaman riba bagi pemilikan rumah

Berdasarkan rajah 1.1 yang dibentangkan, dapat dibuktikan bahawa isu pembelian rumah berasaskan pinjaman berunsurkan riba dalam kalangan minoriti muslim mendapat perhatian dan ulasan daripada pelbagai pihak samada mengharamkan pinjaman tersebut mahupun mengharuskannya. Ini kerana, secara asasnya syariat Islam tegas melarang sebarang bentuk transaksi yang mengandungi elemen riba sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran antaranya:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَاً لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَعْمَلُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَنُ مِنَ الْمُسِّ دُلْكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا^١
 الْبَيْعَ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا^٢

Terjemahan: Orang-orang yang makan (*mengambil*) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan setan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (*berpendapat*), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. (Al-Baqarah 2: 275)

Secara zahirnya, adalah jelas ayat di atas mengharamkan perbuatan memakan riba. Tegahan tersebut juga terkandung dalam intipati hadis Rasulullah SAW antaranya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ، اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقاتِ قَالُوا: يَا

رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشُّرُكُ بِاللَّهِ، وَالسُّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا،

وَأَكْلُ مَالِ الْيَتَيْمِ، وَالتَّوْلِيِّ يَوْمَ الزَّرْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Terjemahan: Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, *jauhilah kamu daripada 7 dosa-dosa besar. Mereka (para sahabat r.a) bertanya, apakah dosa-dosa itu wahai Rasulullah s.a.w? Baginda bersabda: mensyirikkan Allah s.w.t, sihir, membunuh tanpa hak, makan riba, makan harta anak yatim, berpaling (lari) di hari pertempuran (jihad) dan qazaf terhadap wanita mukmin.* (Riwayat al-Bukhari: No. 2766)

Mengulas tentang tegahan riba, al-Dhahabi (2003) menegaskan bahawa riba tergolong sebagai salah satu dosa besar yang diancam dengan balasan yang berat oleh Allah SWT. Bermakna pengharaman muamalat yang berunsurkan riba telah diberitakan secara jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dengan sebab itu, para ulama telah sepakat (*ijma'*) bahawa sebarang bentuk mualamat yang mengandungi riba adalah haram (al-Nawawi, t.t).

Dalam hal ini, fatwa yang membenarkan pinjaman berunsurkan riba dalam kalangan minoriti muslim mewujudkan persoalan besar dalam hukum Islam semasa. Ini disebabkan fatwa tersebut jelas bercanggah dengan nas dan ijmak ulama. Sungguhpun begitu, golongan yang membenarkan transaksi ini memiliki asas di mana mereka berpendapat kedudukan minoriti muslim adalah dalam situasi darurat. Hal ini dinyatakan dalam perbahasan ulama

yang mengharuskan transaksi ini (al-Qaradawi, 2001, al-Majlis al-Uruba li Ifta' wa al-Buhuth, 2018). Keadaan darurat ini disebabkan, tiadanya solusi lain bagi tujuan pembelian seperti perbankan berasaskan akad murabahah yang ditawarkan dalam masyarakat minoriti muslim. Lantaran itu, pembelian melalui pinjaman riba dianggap sesuatu yang tidak dapat dihindari yakni umum al-balwa dalam konteks minoriti muslim (Majlis al-Uruba li Ifta' wa al-Buhuth, 2018; al-Qaradawi, 2001). Malah, keharusan muamalat ini juga dicadangkan sebagai solusi penting dalam pemilikan rumah dengan syarat-syarat seperti tiada rumah lain yang dimiliki pembeli, pembelian bagi tujuan diduduki oleh pembeli dan keluarganya serta tidak memiliki sumber kewangan lain yang menepati syarak (Majlis al-Uruba li Ifta' wa al-Buhuth, 2018). Bermakna, fatwa yang diputuskan ini menilai pembelian rumah melalui pinjaman riba sebagai solusi konflik keadilan yang dihadapi oleh sebahagian masyarakat muslim di barat.

Sungguhpun fatwa ini mengharuskan transaksi riba dengan alasan darurat yang dihadapi, namun hal tersebut tidak dinilai darurat oleh aliran yang mengharamkan muamalat tersebut. Secara umumnya, pandangan yang memfatwakan haram ke atas transaksi tersebut menepati nas-nas dan ijma' yang tegas melarang sebarang bentuk riba. Dalam hal ini juga, Abu Zahrah (t.t) menegaskan bahawa aktiviti ekonomi berasaskan riba hanya menjurus kepada menjaga *maṣlahah* peminjam dan pemberi pinjam dengan menafikan *maṣlahah 'ammah* yang lebih besar dan menjadi keutamaan dalam sebuah sistem ekonomi. Namun begitu, timbul persoalan apakah riba tetap diharuskan sekiranya benar-benar berada dalam situasi darurat? Ini kerana, taklif syarak dalam keadaan darurat adalah berbeza dengan keadaan biasa. Firman Allah SWT:

فَمِنْ أَضْطُرَ عَيْرَ بَاخٍ وَلَا عَادِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ

Terjemahan: *Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak berkeinginan dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa.* (al-Baqarah 2: 173)

Secara ibaratnya, nas di atas menjelaskan terdapatnya implikasi tertentu terhadap *al-awamir* dan *al-nawahi* ketika dalam darurat. Malah ia turut menjadi dasar dalam kaedah fekah yang menyebutkan *al-darurat tubihu al-mahzurat*. Bermakna, golongan yang mengharuskan transaksi ini mempunyai asas yang jelas. Namun begitu, ianya perlu diperhalusi dan dibahaskan dengan lebih lanjut berdasarkan prinsip darurat dan kaedah-kaedahnya yang muktabar.

ANALISIS FATWA PERBANKAN RIBAWI DALAM MINORITI MUSLIM DARI PERSPEKTIF AL-DARURAH

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, fatwa yang membenarkan muamalat riba bagi tujuan pembelian rumah menilai keadaan masyarakat minoriti muslim berada dalam situasi darurat. Bagi tujuan menilai isu ini dari perspektif darurat beberapa aspek perbincangan akan diketengahkan berdasarkan persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah takrifan sebenar darurat dalam syariah Islam?
- ii. Apakah prinsip untuk beramal dengan rukhsah untuk keluar daripada situasi darurat?
- iii. Apakah kedudukan sebenar pembelian rumah dalam Islam?
- iv. Apakah tiada solusi lain bagi tujuan pembelian rumah?
- v. Adakah darurat boleh dinilai berdasarkan kedudukan sebuah masyarakat atau perlu dinilai berdasarkan situasi individu?
- vi. Bagaimanakah sekiranya terdapat individu yang benar-benar tidak memiliki kudrat bagi memenuhi keperluan asasnya iaitu tempat tinggal dalam masyarakat ini?

Persoalan-persoalan yang ditimbulkan adalah wajar bagi menilai pemakaian konsep *al-darurat* dalam fatwa tersebut. Hal ini kerana, adalah sesuatu yang mustahil sekiranya isu ini tidak dilihat dari perspektif *al-darurat* dalam kalangan sarjana yang mengharamkan transaksi ribawi sebelum fatwa diputuskan.

Secara umumnya, konsep *al-darurah* telah banyak dibincangkan dalam kalangan ulama usul al-fiqh. Istilah *al-darurat* ialah kata jamak bagi perkataan *al-darurah* yang memberi erti satu keadaan yang dihadapi oleh manusia yang pasti menghilangkan *al-masalih al-daruriyyat* sekiranya keadaan tersebut tidak diraikan (Ya'qub 'Abd al-Wahab, 2001). Bermakna, *al-darurah* menyebabkan kehilangan *masalih al-daruriyyat* seperti agama, nyawa, akal, nasab dan akal (al-Ghazali, t.t) sekiranya tidak diraikan iaitu dihilangkan ('Abd al-'Aziz, 2005). Ini menyebabkan perkara-perkara yang dilarang pada situasi biasa diberikan rukhsah dan diharuskan pengamalannya dalam keadaan darurah. Dalam hal ini, jelas perkaitan antara ruang rukhsah untuk meninggalkan hukum azimah sewaktu terjadinya darurat ke atas seseorang individu.

Jika diperhalusi hubungan antara darurat dan rukhsah, ia boleh disifatkan seperti masalah dan solusi. Ini kerana, istilah rukhsah merupakan konsep keharusan syarak terhadap sesuatu yang dilarang pada asalnya ketika darurat untuk memberi keringanan kepada mukallaf serta mengangkat kesulitan daripada mereka (Karim Zaydan, 2006). Konsep rukhsah ini juga telah dijelaskan oleh sarjana awal misalnya al-Ghazali (t.t) yang menyebutkan bahawa ia merupakan sebuah ibarat yang memberikan keluasan kepada mukallaf untuk melakukan sesuatu perbuatan yang diharamkan asalnya dengan sebab keuzuran dan kurang upaya dalam keadaan terdapat sebab yang haram. Takrif yang hampir serupa turut disebut

oleh al-Amidi (2003) di mana *rukhsah* ialah pensyariatan hukum-hukum dengan sebab keuzuran yang mempunyai limit tertentu sehingga mengumumkan *al-nafi* dan *al-ithbat*. Daripada takrif tersebut, dapat disimpulkan *rukhsah* ialah pensyariatan hukum-hukum untuk memberikan keringanan (*al-taysir*) akibat keuzuran yang dihadapi oleh mukallaf. Kesimpulan ini adalah berdasarkan kepada makna sebenar *al-taysir* yang mempunyai hubungkait dengan *rukhsah* disebabkan keadaan darurat sebagai satu kemudahan kepada hamba ('Abd al-Rahman, 1990). Dalam keadaan biasa, kesukaran yang dirasai oleh mukallaf dalam pentaklifan syarak tersebut hakikatnya bukanlah *masyaqah*. Malah, kepayahan yang terkandung dalam setiap pensyariatan tersebut dibekalkan oleh Allah s.w.t dengan kekuatan (kudrat) (al-Shatibi, 1997) di mana diperjelaskan melalui firman Allah s.w.t berikut:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Terjemahan: *Allah s.w.t tidak mentakflifkan seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya* (Al-Baqarah 2:286)

Tuntutan dalam keadaan biasa ini (*'azimah*) berterusan sehingga timbulnya keadaan darurat yang melebihi kemampuan mukallaf. Rentetan daripada itu, dalam keadaan luar biasa (darurat) tersebut disyariatkan keringanan dalam bentuk hukum *rukhsah*. Dalam erti kata lain, keuzuran mahupun kesulitan yang timbul akibat darurat akan mendatangkan kesan hukum *rukhsah* bagi menjamin kemaslahatan para mukallaf.

Namun begitu, aplikasi hukum rukhsah dalam keadaan darurah mempunyai beberapa prinsip yang perlu dipelihara antaranya:

- 1- Perkara terlarang yang dihalalkan ke atas seseorang yang berada dalam keadaan darurat hendaklah **mengurangkan** darurat yang dihadapi.
- 2- Perkara yang harus atau diberi rukhsah ketika dalam keadaan darurat dilakukan sekadar mengangkat kemudaratian. Hal ini kerana, kemudaratian akan mengugurkan tuntutan disebabkan tiadanya kudrat. Sebaliknya, jika masih memiliki kudrat melaksankan taklif seperti biasa ia tidak dianggap berada dalam keadaan darurah untuk mengambil pendekatan mudah.
- 3- Golongan yang menghadapi mudarat tidak mempunyai jalan keluar lain dari situasi tersebut melainkan menyanggahi *al-awamir* (perintah-perintah) dan *al-nawahi* (larangan-larangan) dalam syariat.
- 4- Zaman keharusan mahupun rukhsah bergantung kepada kewujudan keuzuran yang dihadapi.
- 5- Rukhsah yang dilakukan mestilah tidak membatalkan hak orang lain.

- 6- Darurah tersebut hendaklah benar-benar telah berlaku dan bukan sekadar jangkaan dan tohmahan (Ya'qub 'Abd al-Wahab, 2001).

Enam prinsip darurah yang digariskan ini akan memastikan keadaan yang timbul benar-benar darurah di samping menyediakan garis panduan yang jelas kepada mukallaf untuk beramal dengan rukhsah.

Kembali kepada persoalan pembelian rumah melalui pinjaman riba dengan alasan darurah dalam kalangan muslim minoriti. Pertamanya, tidak dapat dinafikan bahawa kediaman merupakan keperluan asasi dalam kehidupan manusia. Dalam erti kata lain, kediaman merupakan perkara daruri (Ibn Bayyah, 2007; al-Qaradawi, 2001). Namun begitu, membeli kediaman merupakan satu aspek yang lain. Ini disebabkan kedudukan *al-bay'* dalam syariat Islam memiliki penilaian berbeza dalam kalangan sarjana Islam iaitu sebahagian ulama meletakkan ia sebagai *al-hajiy* dan sebahagian lain meletakkannya sebagai *al-daruri* (Ibn Bayyah, 2018). Ini juga bermakna, memiliki rumah bagi tujuan kediaman bukanlah daripada hal *daruri* dalam *hifz al-mal* malah lebih sesuai dikategorikan sebagai *al-hajiy*. Hal ini berdasarkan pandangan Ibn Bayyah (2018) yang menegaskan bahawa *al-bay'* merupakan *al-hajiy* yang membantu terlaksananya *al-daruri* iaitu mempunyai tempat tinggal. Jelaslah bahawa, pembelian merupakan salah satu kaedah mewujudkan kediaman yang dianggap daruri tanpa menafikan adanya kaedah lain seperti sewa bagi mewujudkan keperluan asas tersebut.

Sungguhpun begitu, dalam situasi minoriti muslim di barat pembelian rumah oleh golongan ini terhalang akibat tiadanya instrumen pinjaman yang menepati syariat. Bermakna, pinjaman yang wujud di sana mempunyai unsur terlarang seperti riba perbankan. Akibat daripada hal itu, sepatutnya pembelian bukanlah jalan utama dalam menangani konflik kediaman dalam komuniti ini. Hal ini kerana, menghindari riba dalam urusan jual beli bersifat *al-hajiyat* dalam *hifz al-mal*. Meneruskan pembelian melalui pinjaman ribawi menyebabkan pertembungan antara maslahah dan mafsaadah. Dalam hal ini, sepatutnya pencegahan mafsaadah iaitu menghindari riba perlu diutamakan berdasarkan kaedah *dar' al-mafasid awla min jaib al-masalih* ('Abd al-'Aziz, 2005).

Namun begitu, hal sebaliknya berlaku dalam fatwa yang dikeluarkan berlandaskan kaedah *al-darurah tubihu al-mahzurat*. Dalam hal ini, fatwa tersebut telah menyifatkan seluruh minoriti muslim sebagai golongan yang berada dalam situasi darurat berdasarkan kaedah *al-hajah tunazzilu manzilah al-darurat* (al-Suyuti, 2009). Ini bermaksud, apabila masyarakat minoriti muslim di Barat berhadapan dengan kesulitan untuk menyewa atas alasan-alasan seperti sewaan yang tidak berakhir dengan pemilikan, sewaan sepanjang hayat, kemungkinan merempat di usia tua jika tidak membeli rumah, sukar menyewa kerana mempunyai keluarga yang ramai dan lokasi rumah yang dibeli lebih sesuai dengan suasana Islam (al-Qaradawi,

2001, al-Majlis al-Uruba li Ifta' wa al-Buhuth, 2018), hal-hal tersebut telah menimbulkan darurat kepada masyarakat ini untuk mendapatkan tempat kediaman asas melalui pembelian dengan pinjaman riba. Ini menyebabkan asal pembelian yang bersifat *al-hajiy* telah beralih kepada *al-daruriy* sebagai solusi untuk memiliki kediaman asas. Sungguhpun asas tersebut adalah wajar iaitu sesuatu yang bersifat *al-hajiy* boleh beralih menjadi *al-daruriy*, namun begitu alasan-alasan yang dijadikan latar belakang fatwa ini wajar diperhalusi. Bermakna, tidak semua alasan tersebut menyebabkan terbentuknya situasi darurat bagi membolehkan masyarakat minoriti muslim melakukan pinjaman ribawi bagi tujuan pembelian rumah.

Misalnya, alasan kemungkinan merempat di usia tua sekiranya berterusan menyewa boleh disifatkan sebagai *darurah mutawakkimah* atau *mutawaq'i'ah*. Hal ini kerana, antara prinsip penting beramal dengan rukhsah ketika darurah ialah darurah tersebut benar-benar telah berlaku. Dalam hal ini, sepatutnya alasan tersebut tidak diambilkira untuk membenarkan riba dalam pinjaman perbankan untuk pembelian rumah. Ironinya, kemungkinan yang lebih baik boleh ditimbulkan seperti akan lahir perbankan yang selari dengan syariat di masa akan datang. Perkara yang ingin ditekankan di sini ialah rukhsah hanya diharuskan setelah mukallaf berhadapan dengan darurah. Malahan juga, alasan-alasan seperti sewaan sepanjang hayat merugikan dan lokasi rumah yang dibeli lebih sesuai dengan suasana Islam sama sekali tidak memberi keadaan mudarat kepada masyarakat minoriti muslim kerana mereka masih boleh menyewa rumah untuk memenuhi keperluan asas yang daruri. Dari perspektif *maqasid al-shari'ah*, *maslahah* yang cuba diwujudkan dengan alasan tersebut termasuk dalam kategori *maslahah mulghah* kerana terdapatnya dalil yang jelas melarang pengambilan riba dalam urusan mualamat manusia (al-Buti, 1973; Nur al-Din, 2005). Sebaliknya, kesukaran menyewa dalam kalangan keluarga besar dilihat wajar untuk dijadikan asas darurat dalam isu kediaman oleh minoriti muslim sebagaimana yang ditekankan dalam fatwa Ibn Bayyah (2017).

Menganalisis dengan lebih mendalam prinsip al-darurah yang dikatakan berlaku rentetan kesukaran dalam penyewaan rumah yang dihadapi oleh keluarga besar, persoalan yang timbul ialah adakah pembelian rumah menggunakan pinjaman ribawi merupakan satu-satunya solusi yang boleh diambil? Realitinya, persoalan ini turut menjadi asas aliran yang mengharamkan transaksi ini dengan kesimpulan adanya solusi lain yang menepati syarak ('Abdul al-'Azim, 2004). Hal ini disebabkan, terdapatnya pendekatan lain yang boleh dipertimbangkan seperti penghijrahan ke negara Islam (al-Buti, 2013), pembelian secara tunai, pembelian melalui pinjaman menggunakan akad yang diharuskan syarak seperti bay' al-murabahah (al-Qaradawi, 2001) sekalipun dengan kadar keuntungan yang dikenakan tinggi ('Abdul al-'Azim, 2004). Daripada solusi-solusi yang dinyatakan, keadaan minoriti muslim di Barat tidak wajar dianggap darurat secara simplistik. Ini kerana, antara prinsip penting untuk mengamalkan hukum rukhsah ialah tiadanya pendekatan lain bagi menyelesaikan darurat

yang dihadapi. Sungguhpun terdapat solusi lain sebelum menyifatkan keadaan darurat kepada masyarakat ini, namun begitu nilai kudrat untuk melaksanakan perlu juga diambilkira. Misalnya, dalam realiti negara bangsa, penghijrahan memerlukan pelbagai urusan dan diplomasi. Dalam hal ini, sudah tentu tidak semua masyarakat muslim di Barat memiliki upaya untuk melakukan penghijrahan. Lantaran itu, pendekatan-pendekatan berikut adalah dicadangkan untuk menilai situasi sebenar setiap anggota masyarakat minoriti muslim:

- 1- Seluruh anggota masyarakat minoriti muslim hendaklah meneruskan sewaan selagimana tidak menghadapi kesukaran mencari rumah sewa seperti yang dihadapi oleh keluarga besar.
- 2- Sekiranya keluarga tersebut terdiri daripada ahli keluarga yang ramai, maka pembelian rumah secara tunai mahupun melalui pinjaman patuh syariah seperti *bay' murabahah* adalah wajar.
- 3- Sekiranya tiada akad pinjaman yang patuh syariah, maka hijrah merupakan solusi yang perlu diambil bagi menghindari diri daripada belenggu riba untuk memenuhi keperluan tempat tinggal.
- 4- Sekiranya individu tersebut tidak mampu berhijrah dengan faktor-faktor yang munasabah, maka dalam situasi ini darurat baginya untuk memilih pandangan yang mengharuskan pinjaman ribawi bagi tujuan pembelian rumah untuk didiami menepati kaedah *al-darurah tubihu mahzurat* dan *al-darurah tuqaddar bi qadriha*.

Berdasarkan pendekatan yang dicadangkan, ditegaskan bahawa pengukuran situasi darurat hakikatnya dinilai mengikut kudrat individu berdasarkan latar belakang masalah yang dihadapi. Bermakna, rukhsah untuk melakukan pinjaman ribawi tidak boleh dilakukan secara simplistik dengan pelbagai alasan yang tidak wajar. Walaubagaimanapun, jika diperhatikan fatwa yang diputuskan untuk mengharuskan pinjaman riba, penilaian darurat telah dinilai dari dimensi masyarakat. Lantaran itu, alasan seperti mewujudkan persekitaran jiran yang lebih baik dalam komuniti muslim barat turut dijadikan asas untuk mengharuskan mualamat ribawi.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Daripada perbincangan yang diketengahkan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa darurat merupakan satu keadaan yang mengharuskan hukum rukhsah yakni melakukan perkara sebaliknya daripada *al-awamir* dan *al-nawahi* dalam pensyariatan yang asal. Menyentuh perbahasan pinjaman riba dalam kalangan minoriti muslim, asasnya adalah ia diharamkan sehinggalah dapat dipastikan pinjaman tersebut menjadi satu-satunya solusi bagi memenuhi keperluan tempat tinggal. Lebih terperinci, kajian menyimpulkan beberapa intipati utama perbincangan seperti berikut:

- i. Kediaman disifatkan sebagai daruri dalam syariat Islam untuk memelihara harta. Sebaliknya, pembelian dan sewaan rumah merupakan *al-hajiyah* dalam menjayakan perkara daruri tersebut.
- ii. Situasi darurat perlu dinilai daripada perspektif kudrat individu sekalipun dalam permasalahan yang sama. Dalam erti kata lain, kes demi kes perlu diperhalusi bagi memahami keadaan sebenar situasi seseorang mukallaf. Ini memberi maksud bahawa darurat yang didakwa dari perspektif masyarakat minoriti muslim perlu dinilai dan diperhalusi semula.
- iii. Darurat merujuk kepada keadaan seseorang yang tidak mempunyai pilihan mahupun jalan keluar dari isu yang dihadapi melainkan beramal dengan rukhsah. Namun begitu, fatwa yang diputuskan oleh Majlis Penyelidikan Fatwa Eropah memperlihatkan ruang mahupun pilihan lain yang boleh dilakukan sebelum membuat pinjaman perumahan yang mengandungi riba.
- iv. Jangkaan mahupun andaian yang buruk tidak boleh dijadikan dasar darurat bagi mengharuskan rukhsah.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dapatan kajian daripada geran yang diterima daripada pihak Universiti Malaya dan INCEIF bagi projek RPIF08-16UM, “Pengurusan Harta Amanah Orang Islam: Kajian Perbandingan Malaysia dan Singapura. Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- 'Abd al-'Azim Jalal Abu Zaid (2004). *Fiqh al-riba Dirasah Muqaranah wa Shamalah li Tadbiqat al- Mu'asarah*. t,tp: Muassasah al-Risalah.
- 'Abd al-'Aziz Muhammad 'Azzam (2005). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Karim Zaydan, Abd (2006). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Cet. Ke-15. Berut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Amidi, 'Ali bin Muhammad (2003). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, ed. 'Abd al-Razzaq 'Afifi. al-Riyad: Dar al-Sami'i.
- 'Ali Muhyiddin al-Qurrah Daghi (2020). Hukm Qard min Bank Ribawi li Bina' al-Bayt. Laman sesawang *al-Mawqi' al-Rasmi li Fadilah al-Ustaz al-Duktur 'Ali Muhyiddin al-Qurrah Daghi*, dicapai pada 1 Jun 2020, <http://www.qaradaghi.com/chapterDetails.aspx?ID=1169>.

- Abi 'Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Dhahabi (2003). *al-Kabair*, ed. Hassan 'Ali Salman. Ed. Ke-2. al-Qahirah: Maktabah al-Furqan.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali (t.t). *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, ed. Hamzah Zuhayr Hafiz. t.tp: Shirkah al-Madīnah al-Munawwarah.
- Abu Sulayman, 'Abd al-Wahab Ibrahim (1423H). *Fiqh al-Darurat wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah Afaq wa Ab'ad*. Jeddah: al-Ma'had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib.
- al-Majlis al-Uruba li Ifta' wa al-Buhuth (2018). Shira' al-Manazil bi Qard Banki Ribawi li al-Muslimin fi Ghayr Bilad al-Islam. Laman sesawang *al-Majlis al-Uruba li Ifta' wa al-Buhuth*, dicapai pada 1 Jun 2020, <https://rb.gy/efmcrs>.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Muhyiddin (t.t). *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li Shirazi*. ed. Muhammad Najib al-Muti'i. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Shatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lukhmi (1997). *al-Muwafaqat*. ed. Abu 'Ubaydah Mashur bin Hasan 'Ali Salman. Saudi: Dar Ibn 'Affan.
- Assembly of Muslim Jurists of America (2011). Shira' al-Bayt bi al-Qard al-Ribawi fi Kanada. Laman sesawang *AMJAOnline*, dicapai 1 Jun 2020, <https://rb.gy/eutbof>.
- Abdullah Ibn Bayyah (2007). Sinaah al-Fatwa wa Fiqh al-Aqalliyat. Beirut: Dar al-Minhaj.
- (2017). Hukm Shira' Bayt bi Fawaid Bankiyah liman Ya'ishu fi Bilad la Tujad fiha Masarif Islamiyah? Laman sesawang *Youtube*, dicapai pada 1 Jun 2020, <https://www.youtube.com/watch?v=CenSBUgAzcw>.
- (2018). Maqasid al-Mu'amalat wa Marasid al-Waqi'at. Dubai: Markaz al-Muwatta'.
- al-Suyuti, Jalaluddin 'Abd al-Rahman (2009). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' al-Shafi'iyyah*, ed. Muhammad Muhammad Tamir dan Hafiz 'Ashur Hafiz. Ed. ke-4. al-Qahirah: Dar al-Salam, 2009.
- 'Abd al-Rahman, Jalaluddin (1990). *Ghayah al-Wusul ila Daqaiq 'Ilm al-Usul: al-Mabadi' wa al-Muqaddimat*. al-Qahirah: t.p.
- Jamil Hamdawi (2013). *Fiqh al-Aqalliyat aw Fiqh al-Ta'aruf*. http://www.alukah.net/world_muslims/0/62061/, dicapai pada 12 Jun 2020.
- Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duvali (1986). Qarar bi Sha'ni Istifsalat al-Ma'had al-'Alami li Fikr al-Islami bi Washington. Laman sesawang *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duvali*, dicapai pada 1 Jun 2020, <http://www.iifa-aifi.org/1686.html>.
- Abu Zahrah, Muhammad (t.t). *Buhuth fi al-Riba*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. 2013. *Fiqh al-Aqalliyat*, <https://www.youtube.com/watch?v=Sh9CysZiAho>, dicapai pada 12 Jun 2017.
- . 1973. *Dawabit al-Maslalah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Damsyik: Muassasah al-Risalah.

- _____. 2007. *al-Islam wa al-Gharb*. t.tp: t.p.
- Nur al-Din Mukhtar. 2005. *Al-Maslahah al-Mulghah fi al-Shari'i al-Islami wa Tadbiqatuha al-Mu'asarah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Rabitah al-Ulama' al-Suriyin (2016). Hukm Akhaz al-Qurud al-Ribawiyah li Shira' al-Buyut al-Sukniyah fi al-Gharb. Laman sesawang *Rabitah al-Ulama' al-Suriyin*, dicapai pada 1 Jun 2020, islamsyria.com/site/show_consult/926.
- Salah bin 'Abdullah al-Darwish (2007). *Atharu al-Dharurah wa al-Hajah 'ala Ahkam Mumarasah al-Aqalliyat al-Muslimah*. al-Mu'tamar al-Thanawi al-Khamis, November 2007.
- Wahbah al-Zuhaily (1999). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Qaradawi (2001). *Fi Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah*. al-Qaherah: Dar al-Shuruq.